

23 OCT 1996

Sanusi - Tandas

NOVEMBER DIISYTIHAR BULAN MEMBERSIHKAN TANDAS DI KEDAH

LANGKAWI, 23 Okt (Bernama) -- Kerajaan Negeri hari ini mengisytiharkan November sebagai bulan membersihkan tandas awam di seluruh Kedah.

Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid berkata kempen itu membabitkan pembersihan tandas sekolah, hospital, pejabat-pejabat kerajaan dan swasta serta kedai makan.

"Selain membersihkannya, kita juga akan membaiki tandas yang rosak," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco di sini.

Sanusi berkata semasa kempen itu, pihak berkuasa tempatan juga akan membaiki papan-papan tanda yang sudah rosak serta menegakkan semula atau mengganti tiang telefon dan elektrik yang condong.

"Kita tidak mahu lagi melihat tandas yang kotor dan berbau serta tiang-tiang telefon atau elektrik yang condong. Kita berhasrat mewujudkan suatu pemandangan yang menarik di seluruh negeri," katanya.

Sanusi berkata pemilik kedai juga akan diminta menggunakan papan tanda yang berlampu untuk mewujudkan suasana ceria di pekan-pekan negeri ini pada waktu malam.

Menurutnya para pengusaha kedai makan pula akan digalakkan menambah cahaya dalam premis mereka di samping menggunakan cat berwarna cerah untuk tujuan yang sama.

Pada mesyuarat itu, Sanusi berkata Jawatankuasa Pelancongan dan Keusahawanan Negeri juga telah diarahkan mencari kegunaan 24 buah kubu Perang Dunia Kedua yang terdapat di seluruh Kedah.

"Kita mencadangkan agar kubu-kubu itu dijadikan tempat permainan kanak-kanak atau apa sahaja yang sesuai untuk masyarakat," katanya dan menambah kebanyakan kubu itu terletak berhampiran persimpangan jalan, jambatan dan lapangan terbang.

Ini adalah kali kedua Mesyuarat Exco diadakan di pulau percutian bebas cukai ini sejak Sanusi yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuah menjadi Menteri Besar.

Kali ini ia diadakan sempena majlis pelancaran serentak Kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi, Dataran Lang dan Lagenda Langkawi Dalam Taman oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini. -- BERNAMA

ZAA WAT